# UTHM cipta rekod penerbitan

## Terbit 1,271 artikel terindeks dalam Scopus tahun ini

**KAMARUL HALIM M KAMAL**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mencipta sejarahnya yang tersendiri apabila disenaraikan menjadi universiti yang paling banyak menerbitkan dokumen dalam kalangan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) bagi tahun 2017.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM, Prof Dr Ruzairi Abdul Rahim berkata, pihaknya berjaya menerbitkan 1,271 artikel yang terindeks dalam Scopus pada tahun ini.


RUZAIRI

Menurutnya, pada tahun lalu gelaran berkenaan dipegang Universiti Malaysia Perlis (Unimap), dan pada tahun ini UTHM berjaya merampasnya disebabkan banyak melakukan penerbitan termasuklah dalam kalangan penuntut.

"Peningkatan jumlah penerbitan ini merupakan satu perkembangan yang positif kepada universiti memandangkan beberapa tahun sebelum ini UTHM hanya berada di tangga kedua selepas Unimap.

"Pihak universiti berharap bilangan penerbitan ilmiah ini dapat dipertingkatkan lagi sehingga 1,600 terbitan pada tahun akan datang dan begitu juga dengan kualiti penerbitan," katanya.

Katanya, UTHM turut berharap penyelidik dapat menerbitkan lebih banyak artikel bertaraf Web of Science (WoS) sekali gus dapat menjadi penyelidik bertaraf dunia.

"UTHM juga berharap pencapaian seumpama ini dapat memberi impak yang besar dalam meningkatkan lagi penerbitan ilmiah berimpak tinggi di negara ini, selain menjadi rujukan di peringkat global," katanya.

**Info**

Sasar terbit 1,600 bahan ilmiah pada masa depan




**Kedudukan carta yang menyatakan UTHM menjadi universiti terbanyak menerbitkan artikel dalam tahun 2017 dalam kalangan universiti MTUN.**